

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan statistik kes salahguna media sosial yang diambil tindakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi tempoh Mei 2018 sehingga September 2019 atas kesalahan menghina sensitiviti agama dan kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kes salahguna media sosial yang melibatkan penghinaan agama untuk tempoh Mei 2018 sehingga Oktober 2019, sebanyak 18 kes telah disiasat. Walau bagaimanapun, tiada kes yang didakwa dan dikenakan kompaun.
2. Manakala bagi kes salahguna media sosial yang melibatkan penghinaan kaum untuk tempoh Mei 2018 sehingga Oktober 2019, sebanyak 22 kes telah disiasat. Daripada jumlah tersebut, tiada kes telah didakwa dan dikenakan kompaun.